

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2025

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA : 22
SURAT

OPR 2.75 peratus berpotensi kekal hingga 2026

OPR 2.75 peratus berpotensi kekal hingga 2026

Kuala Lumpur: Kadar Dasar Semalaman (OPR) dijangka kekal pada paras 2.75 peratus sekurang-kurangnya sehingga akhir tahun malah berpotensi berlanjutan hingga 2026 berikutan unjuran pertumbuhan ekonomi dan inflasi yang sederhana.

Ketua Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, pendirian

Bank Negara Malaysia (BNM) yang mengekalkan kadar berkenaan selepas mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) baru-baru ini adalah selari dengan jangkaan pasaran.

"Kenyataan BNM menunjukkan keyakinan terhadap pertumbuhan ekonomi 2025 sekitar 4.0 hingga 4.8 peratus, dengan inflasi kekal sederhana.

"Oleh itu, kadar OPR

berkemungkinan dikekalkan pada 2.75 peratus sehingga 2026," katanya kepada Bisnes Metro.

Menurutnya, selain itu dasar monetari juga akan terus bergantung kepada perkembangan semasa, termasuk pertumbuhan luar negara dan tekanan inflasi global.

Beliau berkata, sekiranya terdapat keperluan, ruang dasar masih terbuka

untuk BNM menurunkan kadar OPR, memandangkan inflasi dijangka kekal dalam kawalan.

"Keputusan pengekalan OPR semalam adalah sejajar dengan ramalan kebanyakan pihak dan boleh dianggap sebagai perkembangan positif.

"BNM turut dilihat selesa dengan pengamatan mereka terhadap situasi ekonomi negara, ketidak-

pastian berhubung tarif import yang dikenakan Amerika Syarikat juga sudah diumumkan, membolehkan kerajaan serta firma swasta membuat persiapan lebih awal terhadap kesannya," katanya.

Justeru, beliau berkata BNM dijangka terus memantau data ekonomi sebelum membuat sebarang perubahan OPR pada masa akan datang.



Scanned with CamScanner